

(3 April 2021) Sinar Harian p. 9

1,294 kes baharu, 5 kematian



DR NOOR HISHAM

Selangor catat kes paling tinggi sebanyak 455 kes, diikuti Sarawak dan Pulau Pinang

KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,294 kes baharu Covid-19 dan lima kematian dilaporkan di seluruh Malaysia dalam tempoh 24 jam lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 1,268 kes adalah penularan tempatan, manakala baki 26 kes merupakan kes import.

"Jumlah kes sembuh pula adalah sebanyak 1,442 kes menjadikan kumulatif kes sembuh dalam negara kini 332,443 kes."

"Seramai 168 individu sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 78 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, negeri yang mencatat kes paling tinggi pada Jumaat ialah Selangor dengan 455 kes, diikuti Sarawak (217), Pulau Pinang (139), Johor (103), Kuala Lumpur (88), Kelantan (66), Sabah (63), Pahang (57), Negeri Sembilan (31), Melaka (22), Kedah (21), Perak (14), Terengganu (8), Putrajaya (5), Labuan (4), manakala satu kes baharu dilaporkan di Perlis.



Sementara itu, katanya, sebanyak 10 kluster baharu dikesan membabitkan tujuh kluster tempat kerja iaitu Kluster Banjaran Gading dan Simpang Empat di Sabah, Selangor (Industri Bukit Angkat), Johor (Jalan Taat), Kuala Lumpur (Jalan Bukit Nanas), Negeri Sembilan (Jalan Padang) dan Terengganu (Wakaf Chagak).

Selain itu, dua kluster komuniti dilaporkan iaitu Kluster Kalindukan di Sabah dan Kluster Permatang Pasir di Negeri Sembilan, manakala satu kluster kumpulan berisiko tinggi dikesan iaitu Kluster Pekan Batu di Selangor."

"Selain itu, dua kluster komuniti dilaporkan iaitu Kluster Kalindukan di Sabah dan Kluster Permatang Pasir di Negeri Sembilan, manakala satu kluster kumpulan berisiko tinggi dikesan iaitu Kluster Pekan Batu di Selangor."

"Sebanyak 1,025 kluster tamat setakat ini termasuk sembilan pada Jumaat," kata Dr Noor Hisham. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
347,972	332,443	168	1,283	+1,294	740,226

